

29/04/1997

4,000 pelatih dipulih guna Naltroxone

Fazli Abdullah

KUALA LUMPUR, Isnin - Seramai 4,000 pelatih lapan pusat serenti di seluruh negara menjadi kumpulan perintis penggunaan pil Naltroxone bagi program pemulihan penagih dadah, mulai bulan depan.

Sebelum ini, Kementerian Dalam Negeri (KDN) bersetuju mengambil 2,000 pelatih mengikuti program pemulihan dengan menggunakan pil Naltroxone tetapi kini ditingkatkan kepada 4,000 orang.

Ketua Pengarah Agensi Dadah Kebangsaan, Datuk Yaacob Md Amin, berkata program itu akan dilakukan secara kerjasama dengan Kementerian Kesihatan.

Antara pusat serenti yang terbabit dengan program itu ialah di Muar, Tampin, Tampoi dan Kampung Selamat, Pulau Pinang.

Pusat serenti yang terpilih untuk melaksanakan kajian itu terletak berhampiran kawasan yang dilengkapi kemudahan sokongan yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan.

Menurutnya, kemudahan sokongan itu termasuk pakar psikiatrik adalah penting dalam kajian penggunaan pil itu kerana mereka yang akan menyediakan laporan mengenai keberkesanan pil yang digunakan.

"Kementerian Kewangan juga sudah meluluskan peruntukan sebanyak RM3.1 juta bagi membiayai pembelian pil berkenaan dari luar negara.

"Kami sudah bersedia untuk memulakan penggunaan pil Naltroxone itu di kalangan pelatih di lapan pusat serenti yang dipilih itu," katanya kepada Berita Harian, hari ini.

Baru-baru ini, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, berkata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersetuju dengan cadangan KDN untuk melaksanakan projek perintis penggunaan pil Naltroxone bagi memulihkan penagih dadah.

Perdana Menteri selaku Menteri Dalam Negeri memberi persetujuan itu bulan lalu.

Sebelum ini, Megat Junid juga berkata, seramai 2,000 pelatih dari 29 pusat serenti di seluruh negara akan dipilih oleh Agensi Dadah Kebangsaan mengikuti program itu selama enam bulan.

Keutamaan akan diberikan kepada pelatih yang ingin melakukannya secara sukarela. KDN akan membuat penelitian semula terhadap keberkesanan kaedah berkenaan sebelum ia diperkenalkan kepada ibu bapa yang mempunyai anak menagih dadah.

Megat Junid juga berkata, KDN bersedia membenarkan ibu bapa merawat ketagihan anak mereka yang terbabit dalam penyalahgunaan dadah menggunakan pil Naltroxone jika projek perintis itu berjaya.

Ketika ini, kira-kira 200,000 penagih dadah berdaftar di negara ini dan 50,000 daripada penagih itu sudah menjalani pemulihan di pusat serenti.

(END)